



MODUL AKTIVITI TAKE-5



TABIKA PERPADUAN

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	1- 2
2. OBJEKTIF	3
3. SEGMENT 1 : SEGMENT RUKUN NEGARA	4 – 52
3.1. Kepercayaan Kepada Tuhan	6 - 15
<ul style="list-style-type: none">• Kepelbagaian Agama di Malaysia.• Larangan di Tempat Ibadat.• Lagu Sepuluh Jari• Kuiz – Kenali Cara Saya dan Awak Beribadat• Objek Ciptaan Tuhan• Hari Perayaan Agama di Malaysia• Aktiviti Hari Perayaan Kaum di Malaysia• Teka Muzik Hari Perayaan Kaum di Malaysia• Ganjaran Pahala dan Dosa	
3.2. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara	16 - 26
<ul style="list-style-type: none">• Yang di-Pertuan Agong• Raja Permaisuri Agong• Pertabalan Yang di-Pertuan Agong• Sultan / Yang Dipertua Negeri• Alat Kebesaran DiRaja• Pemimpin Saya• Malaysiaku• Negeri Saya• Kepelbagaian Kaum di Malaysia• Kebanggaan Kami	
3.3. Keluhuran Perlembagaan	27 - 32
<ul style="list-style-type: none">• Parlimenku• Persidangan Parlimenku• Wiraku• Lambang Negaraku• Lambang Negeriku	
3.4. Kedaulatan Undang-Undang	33 - 41
<ul style="list-style-type: none">• Tugas Anggota Polis• Tugas Anggota Bomba• Pahlawanku	

- Inilah Barisan Kita
- Simbol Di Jalan raya
- Simulasi Peraturan Kelas
- Simulasi Di Dalam Kenderaan
- Bunyi Apa Itu?

3.5. Kesopanan dan Kesusilaan

42 - 52

- Adab Di Jalan raya
- Tanggungjawab Seorang Murid
- Boleh Saya Pinjam?
- Saya Minta Izin
- Pantun Tolong-menolong
- Saya Tumpang Lalu
- Gagak Yang Bijak
- Awak Apa Khabar?
- Sila Beratur
- Bantu Membantu

4. **SEGMENT 2 : SEGMENT KESELAMATAN**

53 – 98

4.1. Keselamatan Di Sekolah

55 - 62

- Kenali Alatan Menulis
- Buat Baik Berpada-pada, Buat Jahat Jangan Sekali
- Makan Dengan Betul
- Berwaspada
- Usah Berebut
- Bahaya Perabot
- Adab Makan

4.2. Keselamatan Di Rumah

63 - 68

- Keselamatan di Tempat Tinggi
- Awas! Objek Bahaya Di Dapur
- Kenali Saya! (Jarum dan Gunting)
- Bahaya Tak Saya?
- Jangan Pergi Sana!

4.3. Keselamatan Diri

69 - 75

- Awas! Bahaya Di Mana-mana!
- Apa Itu Buli?
- Jangan Tumpang Kereta!
- Kotak Ilmu
- Jangan Layari Internet Tanpa Pengawasan
- Saya Malulah!

4.4. Keselamatan Di Jalanraya	76 - 78
<ul style="list-style-type: none">• Gunakan Saya• Jom Pegang Tangan	
4.5. Keselamatan Di Persekitaran Luar	79 - 82
<ul style="list-style-type: none">• Pertolongan Cemas• Jauhi Bahaya• 999	
4.6. Keselamatan Pemakanan : Makanan yang Berkhasiat	83 - 94
<ul style="list-style-type: none">• Lima Jari – Ibu Jari• Lima Jari – Jari Telunjuk• Lima Jari – Jari Tengah• Lima Jari – Jari Manis• Lima Jari – Jari Kelingking• Di Mana Saya?• Cara Makan Buah Berbijji• Keselamatan Makanan Dalam Tin• Adik oh Adik!• Siapa Saya?• Buku Makanan Sihat Saya	
4.7. Keselamatan Dalam Penyediaan Makanan	95 - 98
<ul style="list-style-type: none">• Gunakan Saya• Bahayanya Lalat• Jom Nyanyi – Suku-suku Separuh	
5. SEGMENT 3: SEGMENT KEBERSIHAN	99 – 136
5.1. Kebersihan Diri	101 - 113
<ul style="list-style-type: none">• Etika Batuk dan Bersin• Jom Bersihkan Diri• Nasihat Saya• 5 Perkara Perlu Ingat• Ayuh Jaga dan Kenali Gigi• Cantik Saya• Jom Beratur 1 Meter• Jom Tepuk• Bersihnya Baju Saya• Mata Saya Cerah• Jahatnya Kuman• Jom Periksa Rambut	

5.2. Kebersihan Persekitaran

114 - 125

- Pinggan Cantik Berkilat!
- Rumah Bersih Minda Sihat
- Jom Urus Tuala Kita
- Kasut Saya Hilang!
- Mari Kemas Katil
- Jom Bersihkan Papan Tulis
- Jom Jaga Kebersihan Tempat Awam
- Pelihara Alam Sekitar
- Puzzle Menjaga Alam Sekitar
- Plastik dan Tong Sampah
- Sampah Oh Sampah!

5.3. Kebersihan Mental

126 - 136

- Selamat Pagi Kawan
- Terima Kasih Cikgu
- Saling Menghormati
- Jom Main Kad
- Janji Saya
- Kenali Jiran
- Jom Jadi Rajin!
- Saya Sayang Rakan Saya
- Suasana Positif
- Menajga Hubungan Sesama Manusia dan Tuhan

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu proses berterusan bagi membentuk jati diri dan memperkembangkan potensi setiap individu agar menjadi insan yang seimbang dalam pembentukan akhlak yang mulia, daya kecerdasan yang baik dan berketerampilan serta dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat umum. Usaha ini dapat digembleng seawal umur murid di prasekolah.

Di peringkat tumbesaran setiap murid, penerapan nilai yang positif dan mulia adalah penting untuk menjadi asas yang kukuh dalam membentuk jati diri mereka yang utuh. Dengan bimbingan dan pendedahan serta fokus yang betul, mereka terpujuk dengan baik untuk menjadi seorang warganegara yang berguna kepada agama, masyarakat dan negara.

Sejajar dengan usaha ini, Modul Aktiviti *Take-5* Prasekolah ini akan menjadi sokongan dan pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran kepada murid di Tabika Perpaduan. Ia akan menjadikan nilai tambah kepada murid-murid dalam fokus pembentukan semangat cintakan negara dan menjadi warganegara yang berguna dengan memfokuskan kepada Segmen Pendidikan Rukun Negara, Segmen Kebersihan dan Segmen Keselamatan.

Segmen Rukun Negara akan memberi fokus kepada penerapan Prinsip Rukun Negara dalam bidang pendidikan agar ia juga menjadi pegangan dan asas yang teguh sebagai jati diri seluruh lapisan generasi rakyat Malaysia. Konteks pendidikan Prinsip Rukun Negara ini amat berkait rapat dalam membantu perkembangan kerohanian, sikap dan nilai murid pada awal perkembangan mereka agar lebih menghayati semangat kenegaraan demi membentuk generasi akan datang yang lebih cintakan Negara dan menghormati institusi keagamaan juga Perlembagaan Malaysia. Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, ia dapat membantu murid ini membesar dengan jati diri Malaysia yang lebih kukuh dan jitu bagi terus mendukung kemakmuran juga kesejahteraan Malaysia.

Dalam Segmen Kebersihan pula, fokus akan diberikan kepada pembudayaan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial agar setiap individu dapat mengelak daripada sebarang penyakit, gangguan atau halangan dalam mengamalkan kehidupan yang sihat. Individu yang sihat akan dapat menjalankan kerja dan tugas rutin dengan cekap dan berkesan secara berterusan tanpa sebarang keletihan. Amalan kebersihan akan turut mewujudkan iklim kelas yang menekankan aspek kebersihan pada setiap masa. Suasana kelas yang tenang, kemas dan selesa turut membantu guru dalam menyediakan suasana pembelajaran yang gembira kepada murid. Selanjutnya, kebersihan kelas dan susun atur peralatan di dalam kelas juga boleh mempengaruhi pencapaian dan minat murid untuk belajar. Oleh yang demikian, kebersihan diri perlu dititikberatkan dan dipupuk dalam diri setiap individu bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Bagi Segmen Keselamatan, aktiviti yang akan dilaksanakan memberi fokus kepada penerapan pendidikan dan pengamalan aspek keselamatan sebagai panduan dan amalan kepada murid agar dapat membantu menyediakan ilmu yang terbaik untuk hidup dalam keadaan sihat sejahtera dan keadaan persekitaran yang lebih selamat serta terjamin. Oleh yang demikian, ia merujuk kepada konsep melindungi individu agar sentiasa berasa selamat, memberi perlindungan kepadanya agar hidup sejahtera dan melindunginya daripada situasi bahaya yang mengancam diri murid tersebut.

Adalah menjadi harapan, Modul Aktiviti *Take-5* ini sebagai medium pendidikan yang berkesan dalam mendidik dan membudayakan nilai yang baik serta positif agar menjadi rutin kepada murid seawal usia dan akan menjadi amalan sepanjang masa. Ini sedikit sebanyak dapat menjamin persekitaran yang lebih baik, harmoni, selamat dan juga sejahtera.

OBJEKTIF TAKE 5

- i. Membentuk sahsiah dan membina jati diri serta perwatakan yang baik yang cintakan Negara berlandaskan falsafah Pendidikan Negara selaras dengan Prinsip Rukun Negara.
- ii. Melahirkan murid yang membudayakan kebersihan dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian.
- iii. Mendidik dan memberi kefahaman kepada murid berkaitan langkah keselamatan yang perlu dipraktikkan dalam situasi yang bersesuaian.

SEGMENT 1

RUKUN NEGARA



SEGMENT RUKUN NEGARA

**MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN
RUKUN NEGARA**

1

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

2

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

3

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

4

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

5

KESOPANAN DAN KESUSILAN



**SEGMENT
RUKUN
NEGARA**

**KEPERCAYAAN
KEPADA TUHAN**



SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

KEPELBAGAIAN AGAMA DI MALAYSIA

TUNJANG KSPK

Kerohanian, nilai dan sikap

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman perbezaan agama dalam masyarakat.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Murid menonton video mengenai kepelbagaian agama dan jenis tempat ibadat yang terdapat di Malaysia.
- Guru bersoal jawab semula dengan murid mengenai agama dan tempat ibadat yang telah ditonton.
- Guru menjelaskan kepelbagaian agama yang dianuti oleh rakyat Malaysia dan Agama.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Video yang berkaitan dengan kepelbagaian agama di Malaysia.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami ciri-ciri empat agama utama di Malaysia dan agama persekutuan Malaysia.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

LARANGAN DI TEMPAT IBADAT

TUNJANG KSPK

Kerohanian, nilai dan sikap

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman adab serta larangan dalam rumah ibadat.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar sebuah masjid dan menjelaskan masjid ialah salah satu rumah ibadat. Guru juga menerangkan terdapat perkara yang tidak boleh dilakukan apabila berada di rumah ibadat.
- Murid menonton video larangan di tempat ibadat.
- Guru mengingatkan murid bahawa Tuhan meminta kita berbuat baik dengan semua orang dan berkelakuan baik apabila berada di tempat ibadat.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Video berkenaan tempat ibadat di Malaysia.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui, memahami dan menghormati adab dan larangan dirumah ibadat kaum yang berlainan.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

LAGU SEPULUH JARI

TUNJANG KSPK

Sains dan teknologi

OBJEKTIF

Mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman konsep kewujudan Tuhan dalam setiap agama.

MEKANISME
PELAKSANAAN

- Guru meminta murid menggerakkan jari satu persatu. Guru memberitahu bahawa sesetengah orang tidak boleh menggerakkan jari mereka sebab Tuhan tidak mengizinkan.
- Contohnya orang yang tiada tangan, sakit strok, lumpuh dan lain-lain.
- Murid menyanyi bersama guru lagu 'JARI' sambil membuat pergerakan.
- Guru minta murid memegang jari masing masing dan menyebut "terima kasih Tuhan sebab beri saya pinjam jari-jari yang hebat. Dengan jari ini saya boleh pegang bermacam-macam benda".
- Guru mengingatkan Tuhan itu maha melihat. Tuhan melihat apa sahaja yang kita lakukan. Oleh itu, gunakan tangan untuk buat benda yang baik supaya Tuhan tidak mengambil semula kekuatan jari kita.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Melodi: Nyonya Bangun Pagi
Lirik Lagu:

*1 jari kanan 1 jari kiri
gabung dua jari
jadilah jambatan. (cantumkan
kedua dua hujung jari).
2 jari kanan 2 jari kiri
gabung 4 jari jadilah kamera.
(cantumkan kedua hujung jari).*

*3 jari kanan 3 jari kiri.
Gabung 6 jari jadilah menara.
4 jari kanan 4 jari kiri.
Gabung 4 jari jadilah si arnab.
5 jari kanan 5 jari kiri
Gabung 10 jari jadi tepuk
tangan*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami konsep asas wujudnya Tuhan dalam setiap agama.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

KUIZ KENALI CARA SAYA DAN AWAK BERIBADAT

TUNJANG KSPK

Kerohanian, nilai dan sikap

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada perbezaan amalan dalam beribadat pelbagai agama.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menerangkan peraturan kuiz iaitu murid menyebut jenis agama sama ada Islam, Buddha, Hindu atau Kristian, berdasarkan soalan kuiz.
- Guru menyelitkan soalan kepada murid setiap kali selesai soalan kuiz seperti "Siapa agamanya sama dengan Selvi?"
- Guru mengingatkan murid bahawa Tuhan menjadikan kita pelbagai kaum supaya kita saling mengenali antara satu sama lain.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Soalan Kuiz

- i. Selvi menyanyikan 'Thevaram' di kuil. (Hindu)
- ii. Muhammad solat di masjid. (Islam)
- iii. Meimei membakar colok. (Buddha)
- iv. Selvi menggunakan bunga semasa sembahyang. (Hindu)
- v. Sofia berpuasa di bulan Ramadhan. (Islam)
- vi. John menyanyi di gereja. (Kristian)

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui, memahami dan menghormati perbezaan amalan dalam beribadat bagi kaum yang berlainan.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

ONJEK Ciptaan Tuhan

TUNJANG KSPK

Bahasa dan komunikasi

OBJEKTIF

Memahami konsep asas wujudnya Tuhan dengan pemerhatian keadaan sekeliling.

MEKANISME
PELAKSANAAN

- Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil.
- Guru memberikan pembayang dan meminta murid melukis jawapan mereka.
- Setiap kumpulan mempamerkan jawapan masing-masing.
- Guru menjelaskan terdapat pelbagai ciptaan Tuhan di langit, di bumi dan di lautan. Terdapat ciptaan yang boleh dilihat dan dirasa. Namun, terdapat juga ciptaan yang tidak nampak tapi boleh dirasa.
- Guru juga menjelaskan semua ciptaan tersebut berguna kepada manusia.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

- Pen dan kertas
- Contoh soalan:

Lukiskan objek ciptaan Tuhan bermula dengan sukukata
1. Bu ... bulan 2. Po ... pokok 3. Ma ... mata

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami terdapat pelbagai ciptaan Tuhan yang berguna kepada manusia.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

HARI PERAYAAN AGAMA DI MALAYSIA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan dapat menyebut nama perayaan mengikut agama dengan betul.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan *flash* kad gambar perayaan di Malaysia :
 - Agama Islam:
 - Hari Raya Aidilfitri
 - Hari Raya Aidiladha
 - Maulidur Rasul
 - Agama Kristian:
 - Hari Natal
- Guru memanggil dua (2) orang murid untuk menyebut nama perayaan tersebut.
- Guru memberikan pujian kepada murid yang dapat menjawab dengan betul.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kad bergambar



IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan boleh menyebut nama perayaan berdasarkan gambar sambutan perayaan agama yang ada dalam komuniti mereka.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

AKTIVITI HARI PERAYAAN DI MALAYSIA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman sambutan perayaan agama yang pelbagai di dalam masyarakat.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan slaid bergambar aktiviti perayaan di Malaysia :
 - Agama Islam:
 - Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri
 - Agama Kristian:
 - Upacara sembahyang di gereja
- Guru memberikan *puzzle* dalam kumpulan.
- Murid perlu siapkan *puzzle* dalam kumpulan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kad bergambar
- *Puzzle* gambar aktiviti perayaan

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan menghormati sambutan perayaan agama yang ada dalam komuniti mereka.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

TEKA MUZIK HARI PERAYAAN DI MALAYSIA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman sambutan perayaan agama yang pelbagai di dalam masyarakat.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru memainkan muzik Hari Perayaan yang terdapat di Malaysia
 - Agama Islam:
 - Takbir Hari Raya Aidilfitri
 - Agama Kristian:
 - Lagu Merry Christmas
- Guru meminta murid meneka nama perayaan berdasarkan muzik yang didengar.
- Murid yang menjawab dengan betul diberikan token.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Komputer Riba
- Token

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan menghormati sambutan perayaan agama yang ada dalam komuniti mereka.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

AKTIVITI

GANJARAN PAHALA DAN DOSA

TUNJANG KSPK

Kerohanian, Sikap Dan Nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman akhlak yang baik adalah tuntutan dalam setiap agama yang diamalkan.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru bercerita tentang kisah Si Tanggang yang derhaka kepada ibunya.
- Murid diminta menyebut perbuatan baik dan tidak baik dalam cerita tersebut.
- Perbuatan baik:
 - Tanggang rajin bekerja mendapat ganjaran pangkat dan gaji lumayan.
- Perbuatan tidak baik:
 - Tanggang derhaka kepada ibu disumpah menjadi batu.
- Guru menasihati murid supaya sentiasa berbuat baik untuk mendapat pahala.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Buku cerita Si Tanggang

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui, memahami dan mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian.



**SEGMENT
RUKUN
NEGARA**

**KESETIAAN KEPADA
RAJA DAN NEGARA**

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

YANG DIPERTUAN AGONG

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan memperkenalkan institusi diRaja di Malaysia.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan gambar dan memperkenalkan nama Yang Dipertuan Agong.
- Murid dipilih secara rawak untuk menyebut nama Yang Dipertuan Agong dengan betul.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Gambar Yang Dipertuan Agong
- Nama Yang Dipertuan Agong

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan kenal akan Yang DiPertuan Agong.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

RAJA PERMAISURI AGONG

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan memperkenalkan institusi diRaja di Malaysia.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan gambar dan memperkenalkan nama Raja Permaisuri Agong.
- Murid dipilih secara rawak untuk menyebut nama Raja Permaisuri Agong.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Gambar Raja Permaisuri Agong
- Nama Raja Permaisuri Agong

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan kenal akan Raja Permaisuri Agong.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

PERTABALAN YANG DIPERTUAN AGONG

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan memperkenalkan upacara ulangtahun pertabalan Yang DiPertuan Agong.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menayangkan video pertabalan Seri Paduka Yang Dipertuan Agong.
- Murid diperkenalkan dengan alat-alat kebesaran DiRaja yang digunakan sepanjang pertabalan Yang DiPertuan Agong.
- Guru menjalankan sesi interaksi bersama murid.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Video berkenaan pertabalan Yang Dipertuan Agong.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami adat istiadat institusi diRaja di Malaysia.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

SULTAN YANG DIPERTUA NEGERI

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta memperkalkan Sultan atau Yang Dipertua mengikut negeri masing-masing.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan gambar dan memperkenalkan nama Sultan atau Yang Dipertua Negeri.
- Murid dipilih secara rawak untuk menyebut nama Sultan atau Yang Dipertua Negeri.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Gambar Sultan atau Yang DiPertua Negeri
- Nama Sultan atau Yang Dipertua Negeri

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengenali dan boleh menyebut sekurang-sekurangnya Sultan atau Yang Dipertua Negeri sendiri

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

ALAT KEBESARAN DIRAJA

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta memperkenalkan alat kebesaran DiRaja mengikut negeri di tempat masing-masing.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan video alat kebesaran diraja setiap negeri (bermula di negeri sendiri dahulu).
- Murid diperkenalkan dengan dua nama alat kebesaran negeri sendiri dahulu.
- Murid dipilih secara rawak untuk menyebut nama alat kebesaran tersebut.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Video alat kebesaran diRaja negeri.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengenali atau menyebut sekurang-sekurangnya sejenis nama alat kebesaran DiRaja Negeri sendiri.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

“PEMIMPIN SAYA”

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta mengenali pemimpin negara yang pernah dilantik.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Melalui tayangan slaid "Pemimpin Saya" yang disediakan, iaitu gambar pemimpin Malaysia, Guru menyebut nama pemimpin satu persatu dengan betul dan diikuti oleh murid.
- Seterusnya guru memberi peluang kepada murid menyebut nama pemimpin dengan betul.
- Guru juga akan bersoal jawab dengan murid mengenai pengetahuan yang telah diungkap dan menyebut nama pemimpin dengan betul. Di samping itu, guru dapat menilai tahap kefahaman mereka.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Slaid 'Pemimpin Saya'
- Carta bergambar Perdana Menteri Malaysia sehingga terkini

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui, mengenali dan menyebut nama Perdana Menteri yang pernah dilantik.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

MALAYSIAKU

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan pededahan kepada murid tentang kedudukan Malaysia.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan gambar atau poster peta dunia yang terdapat negara Malaysia.
- Guru menunjukkan kedudukan Malaysia pada peta dunia.
- Guru memanggil beberapa orang murid untuk menunjukkan kedudukan Malaysia dalam peta dunia kepada rakan lain.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Gambar atau poster peta dunia.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui kedudukan Malaysia dalam peta dunia.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

“NEGERI SAYA”

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan pededahan kepada murid tentang kedudukan negeri masing-masing dalam Malaysia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan peta Malaysia.
- Guru menunjukkan keratan gambar *puzzle* peta Negeri.
- Guru membimbing murid-murid mencantumkan bahagian keratan peta Negeri dengan betul.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Gambar Peta Malaysia dan Peta Negeri
- Keratan gambar *puzzle* Peta Negeri.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan boleh menninggati dengan baik kedudukan negeri masing-masing dalam peta Malaysia.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan pendedahan kepelbagaian kaum di Malaysia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan video atau gambar kaum di Malaysia.
- Guru boleh mulakan dengan kaum-kaum yang biasa dengan murid seperti kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Bidayuh dan lain-lain.
- Setelah murid faham, Guru boleh mengadakan kuiz atau teka teki meneka kaum yang ditunjukkan Guru

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Video Kaum
- Gambar kaum

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mempunyai pengetahuan asas ciri-ciri kaum utama di Malaysia.

SEGMENT RUKUN NEGARA **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

AKTIVITI

“WIRA KAMI”

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada murid tokoh-tokoh yang pernah mengharumkan nama Malaysia.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menunjukkan video atau gambar wira Negara Malaysia yang telah dipilih.
- Guru boleh mulakan dengan wira-wira yang agak popular dan dekat dihati murid.
- Murid diperkenalkan nama dan sedikit biodata tentang diri beliau.
- Contoh wira negara Malaysia seperti Datuk Lee Chong Wei, Dato' Azizulhasni Awang dan lain-lain yang sesuai.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Video atau gambar wira Malaysia, seperti contoh video Dato' Azizulhasni Awang

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan mengenali tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang yang telah mengharumkan nama Malaysia.



**SEGMENT
RUKUN
NEGARA**

KELUHURAN PERLEMBAGAAN



SEGMENT RUKUN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN

AKTIVITI

PARLIMENKU

TUNJANG KSPK

Kerohanian, sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman fungsi bangunan Parlimen dalam perundangan di Malaysia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar dan menyebut nama bangunan Parlimen Malaysia.
- Murid menyebut semula nama bangunan Parlimen Malaysia dengan bimbingan guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Gambar bangunan Parlimen Malaysia
- Kad perkataan (Parlimen Malaysia)

IMPAK AKTIVITI

Murid mengetahui dan dapat menyebut nama Bangunan Parlimen Malaysia dengan betul berdasarkan kepada gambar yang dilihat.

SEGMENT RUKUN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN

AKTIVITI

PERSIDANGAN PARLIMENKU

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman suasana persidangan di dalam Parlimen.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan video Parlimen Kanak-kanak.
- Guru bersoal jawab dan bercerita mengenai video tersebut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Video berkenaan persidangan Parlimen kanak-kanak.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami aktiviti ketika persidangan Parlimen berlangsung.

SEGMENT RUKUN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN

AKTIVITI

WIRAKU

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman tentang adat istiadat penganugerahan Darjah Kebesaran di dalam istana.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menayangkan video Acara Penganugerahan Darjah Kebesaran atau Pingat di dalam istana.
- Guru berbual bersama murid sambil menonton video dan menerangkan tentang anugerah yang dikurniakan kepada wira negara seperti Datuk Lee Chong Wei.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Video acara Sultan memberi anugerah di dalam istana.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami adat istiadat penganugerahan Darjah Kebesaran di istana.

SEGMENT RUKUN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN

AKTIVITI

LAMBANG NEGARAKU

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman simbol Jata Negara yang digunakan di Malaysia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar Jata Negara dan bersoal jawab dimanakah murid-murid pernah melihat Jata Negara.
- Guru menerangkan kegunaan Jata Negara sebagai lambang rasmi negara Malaysia.
- Guru menerangkan, salah satu penggunaan penting adalah sebagai simbol utama di kulit pasport iaitu dokumen yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk membuktikan kewarganegaraan seseorang.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar Jata Negara.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kegunaan lambang Jata Negara di Malaysia.

SEGMENT RUKUN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN

AKTIVITI

LAMBANG NEGERIKU

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman simbol Jata Negeri yang digunakan di negeri masing-masing.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar lambang Jata negeri dan bersoal jawab tentang lambang tersebut. Seperti contoh, Jata Negeri Sarawak.
- Guru membimbing murid-murid untuk melengkapkan keratan gambar bahagian Jata Negeri yang diterangkan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar Jata Negeri.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan boleh mengenali Jata Negeri di negeri masing-masing.



**SEGMENT
RUKUN
NEGARA**

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

TUGAS ANGGOTA POLIS

TUNJANG KSPK

Perkembangan Fizikal Dan Estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman bidang tugas anggota polis.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video lagu kanak-kanak berkaitan tugas anggota polis.
- Murid menyanyikan lagu tersebut bersama-sama.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- LCD atau projektor
- Contoh video berkaitan tugas polis, video Didi And Friends bertajuk 'Kereta Polis':

Lirik Lagu :

*Polis cepat, Polis hebat,
Sedia berkhidmat
Kereta Polis meronda untuk
jaga semua
ika perlu pertolongan*

*Polis beri bantuan
Wee woh wee woh wee wee
woh
Polis gerak cepat
Wee woh wee woh wee wee
woh
Sedia Berkhidmat*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengetahui bidang tugas serta lebih menghargai anggota polis.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

TUGAS ANGGOTA BOMBA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman bidang tugas anggota bomba

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru bertanya kepada murid apa yang mereka faham tentang tugas ahli bomba.
- Guru menayangkan video berkaitan tugas-tugas ahli bomba.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Komputer riba
- Projektor

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengetahui bidang tugas serta lebih menghargai anggota bomba.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

“PAHLAWANKU”

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman bidang tugas anggota tentera.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru menayangkan video cerita pendek yang bertajuk “Pahlawanku” berkisarkan tentang pengorbanan tentera dalam menjalankan tugas mempertahankan keamanan Negara dari ancaman luar.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Komputer riba
- Projektor

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengetahui bidang tugas serta lebih menghargai anggota tentera.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

L “INILAH BARISAN KITA”

TUNJANG KSPK

Perkembangan Fizikal Dan Estetika

OBJEKTIF

Menerapkan elemen kenegaraan dan cintakan negara dalam penghayatan lirik lagu patriotik.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video lagu ‘Inilah Barisan Kita’.
- Guru meminta murid berdiri tegak dan menyanyikan lagu tersebut bersama-sama berpandukan carta lirik yang disediakan oleh guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Komputer riba
 - Projektor
- Lirik lagu :

*Inilah barisan kita yang ikhlas
berjuang, siap sedia
berkorban untuk ibu pertiwi.
Sebelum kita berjaya, jangan
harap kami pulang, inilah
sumpah pendekar kita
menuju medan bakti,*

*Andaikata kami gugur semua,
taburlah bunga di atas
pusara, kami mohon doa,
Malaysia berjaya, Semboyan
telah berbunyi, menuju
medan bakti*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui nilai kenegaraan dan cintakan negara dengan penghayatan lagu patriotik.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

SIMBOL DI JALANRAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan maksud simbol-simbol di jalanraya.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru meminta murid secara berkumpulan untuk memadankan kad simbol jalan raya pada perkataan yang betul.
- Kemudian, beberapa orang wakil kumpulan akan membaca perkataan tersebut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kad gambar simbol jalanraya
- Kad perkataan simbol jalanraya seperti contoh, lampu isyarat, bonggol dan lain-lain

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan mengenali simbol-simbol di jalanraya untuk keselamatan diri.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

SIMULASI PERATURAN KELAS

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman peraturan yang perlu dipatuhi ketika di dalam kelas.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

Dengan bimbingan dan arahan guru:

- Dua orang murid melakonkan situasi ketika datang ke sekolah. Guru mengambil suhu badan, murid menggunakan sanitizer dan masuk ke kelas mengikut anak panah.
- Dua orang murid melakonkan situasi dan peraturan ketika mengambil makanan.
- Dua orang murid melakonkan situasi ketika pulang dari sekolah.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

Carta peraturan langkah-langkah peraturan di kelas.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengamalkan peraturan yang perlu dipatuhi apabila berada di dalam kelas.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

SIMULASI DI DALAM KENDERAAN

TUNJANG KSPK

Kerohanian Sikap Dan Nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman peraturan yang perlu dipatuhi ketika di dalam kenderaan.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menyusun kerusi seolah-olah berada di dalam kenderaan.
- Guru menerangkan peraturan-peraturan ketika berada di dalam kereta. Contohnya, pemakaian tali pinggang kaledar dan sebagainya.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kerusi
- Pinggan kertas – untuk dijadikan stereng kenderaan
- Reben – untuk dijadikan sebagai tali pinggang kaledar

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengamalkan peraturan yang perlu dipatuhi apabila berada di dalam kenderaan.

SEGMENT RUKUN NEGARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI

BUNYI APA ITU?

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman siren kecemasan daripada kenderaan pasukan beruniform.

**MEKANISME
PELAKSANAAN**

- Guru memperdengarkan bunyi siren kenderaan pasukan beruniform.
- Guru menyuruh murid untuk meneka bunyi siren tersebut dibunyikan oleh kenderaan mana.
- Sekiranya salah guru memperbetulkan jawapan mereka.

**BAHAN BANTU
MENGAJAR**

- Komputer riba
- Projektor

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan dapat membezakan siren kecemasan daripada kenderaan pasukan beruniform yang berlainan.



**SEGMENT
RUKUN
NEGARA**

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

ADAB DI JALANRAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman adab ketika di jalanraya.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video bertajuk etika dan adab di jalanraya.
- Guru meminta murid menyebut semula adab-adab di jalanraya berpandukan video tersebut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Komputer riba
- Projektor

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengetahui adab yang perlu diamalkan ketika di jalanraya.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

TANGGUNGJAWAB SEORANG MURID

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai-nilai murni dan disiplin untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan dan menerangkan slaid gambar yang menunjukkan aktiviti atau perbuatan yang perlu dibuat sebagai seorang murid. Seperti contoh, adab di dalam kelas dan tanggungjawab menyiapkan kerja sekolah.
- Guru menekankan tentang pentingnya disiplin dan berakhlak baik.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Komputer riba
- Projektor
- Slaid gambar

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan pengamalan nilai murni dan disiplin dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

BOLEH SAYA PINJAM?

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai-nilai murni dan percakapan yang sopan untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

Guru melakonkan simulasi meminjam barang bersama penolong guru:

*Guru : Hanita
Pen Guru : Ya saya.
Guru : Saya nak minta bantuan.
Pen Guru : Boleh. Apa yang saya boleh bantu
Guru : Boleh tak saya pinjam pensil warna awak. Saya lupa bawa pensil hari ini.
Pen Guru : Boleh. Nah ambil lah.
Guru : Terima kasih.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Peralatan alat menulis bagi simulasi.
- Poster gambar individu pelbagai kaum yang sedang berinterkasi untuk meminjam barang daripada rakan yang lain.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan pengamalan nilai murni dan percakapan yang sopan dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

SAYA MINTA IZIN

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai murni dan dan percakapan yang sopan untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru bercerita tentang adab pergi ke tandas menggunakan boneka tangan.
- Guru menerangkan murid-murid perlu menggunakan bahasa yang sopan dan beradab sewaktu meminta izin.
- Guru melakonkan watak murid bersama penolong guru untuk minta izin ke tandas menggunakan boneka tangan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Boneka tangan.
- Poster gambar murid pergi ke tandas dan sedang berkomunikasi dengan guru.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan pengamalan nilai murni dan percakapan yang sopan dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

PANTUN TOLONG-MENOLONG

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai murni tolong menolong untuk membentuk budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru melafazkan pantun berkenaan tolong-menolong berpandukan carta yang dipamerkan.
- Murid melafazkan pantun dengan bimbingan guru.
- Malafazkan pantun secara individu dan berkumpulan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Carta pantun Contoh pantun:

*Buah cempedak diluar pagar ,
Ambil galah tolong jolokkan,
Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kebaikan pengamalan nilai murni tolong menolong dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

SAYA TUMPANG LALU

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman adab ketika bersama orang dewasa untuk membentuk budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan tatacara untuk tunduk ketika berjalan di hadapan orang lain.
- Guru membantu seorang murid untuk melakonkan watak seorang kanak-kanak sedang tunduk berjalan di hadapan rakan-rakan yang lain.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Poster bergambar situasi murid tunduk ketika lalu di hadapan orang lain.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kebaikan pengamalan adab ketika bersama orang dewasa dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

GAGAK YANG BIJAK

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada nilai- nilai murni bagi membentuk sahsiah diri yang baik.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video, carta atau gambar nilai-nilai murni yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian seperti contoh, membantu ibu bapa di rumah, memberi makan kepada haiwan terbiar dan mengutip sampah di persekitaran sekolah.
- Murid dapat pengajaran yang berguna hasil daripada cerita tersebut sebagai tauladan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Video, carta atau gambar nilai-nilai murni.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami keperluan nilai- nilai murni diamalkan dalam kehidupan seharian bagi membentuk sahsiah diri yang baik.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

AWAK APA KHABAR?

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai murni dan dan percakapan yang sopan untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan cara bertutur dan bertanya khabar dengan cara yang betul seperti contoh:
 - Apa khabar cikgu?
 - Apa khabar kawan-kawan?
 - Apa khabar datuk dan nenek?
- Murid-murid mengulangi ayat “Apa Khabar” mengikut situasi yang sesuai dengan mereka.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar atau poster dua orang kanak-kanak sedang berbual.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan pengamalan nilai murni dan percakapan yang sopan dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

SILA BERATUR

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman keperluan berdisiplin untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Murid menonton video pendek berkenaan situasi yang memerlukan mereka beratur seperti contoh:
 - Mencuci tangan di bilik darjah
 - Menunggu giliran naik bas
 - Menunggu giliran untuk membeli makanan
- Guru menerangkan sebab dan akibat jika mereka tidak beratur dalam situasi di atas.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Video pendek.
- Poster situasi sedang beratur sebagai contoh.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan berdisiplin dalam kehidupan seharian.

SEGMENT RUKUN NEGARA KESOPANAN DAN KESUSILAAN

AKTIVITI

BANTU MEMBANTU

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman nilai murni tolong menolong untuk membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Simulasi guru meminta pertolongan mengambil barang.
- Guru menunjukkan contoh bantu-membantu dan meminta murid memberikan contoh aktiviti membantu keluarga di rumah.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Poster gambar aktiviti menolong ibu bapa di rumah.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui maksud dan kebaikan pengamalan nilai murni tolong menolong dalam kehidupan seharian.

SEGMENT 2

KESELAMATAN



SEGMENT KESELAMATAN

**MEMANTAPKAN KEFAHAMAN PENDIDIKAN
KESELAMATAN**



KESELAMATAN DI SEKOLAH



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

KENALI ALATAN TULIS

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman akan bahaya alat tulis.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru memperkenalkan peralatan maujud kepada murid seperti gunting, pembaris, pensil, gam, pengasah dan sebagainya.
- Guru bersoal jawab bersama murid mengenai objek berbahaya seperti pensil, pengasah, pembaris, gunting dan sebagainya. Guru menyatakan akibat jika salah menggunakannya.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Bahan maujud



IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami bahaya alat tulis dan cara penggunaan yang betul dalam kehidupan seharian.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

SI ABU MALANG

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kelakuan yang boleh mendatangkan bahaya ketika di dalam kelas.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru bercerita mengenai Abu yang mempunyai tingkah laku yang salah sehingga menyebabkan kemalangan kepada kawan-kawan dan diri sendiri semasa di dalam kelas.
- Selepas bercerita, murid bersoal jawab terhadap cerita yang didengar.
- Guru bersoal jawab dengan murid mengenai tingkah laku salah yang boleh menyebabkan kemalangan di dalam kelas.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Cerita Si Abu Malang

Abu seorang budak nakal. Abu suka tolak kawan-kawan. Abu suka lari dalam kelas. Abu suka main air di sinki dan tandas. Abu tidak mendengar kata Cikgu Muna.

Abu lari dalam kelas. Abu berlari dan menolak Ravi. Ravi terjatuh dan luka di kepala. Ravi menangis.

Kemudian, Abu pergi ke tandas. Dia bermain air di tandas. Apabila Mei pergi ke tandas dan terjatuh akibat lantai yang licin. Abu ketawakan Mei.

Seterusnya, Abu berlari semula di dalam kelas. Abu berlari tanpa mendengar arahan Cikgu Muna supaya berjalan.

Akhirnya, kaki Abu tersadung pada meja. Dia terjatuh lalu menangis.

Abu sedar akan tingkah lakunya boleh menyebabkan kemalangan. Abu akhirnya menyesal dan minta maaf kepada kawan-kawan dan Cikgu Muna.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kelakuan bahaya yang perlu dielakkan ketika di dalam kelas.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

MAKAN DENGAN BETUL

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman tatacara penggunaan sudu dan garfu yang betul dan selamat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Murid di dedahkan dengan bahan maujud peralatan yang digunakan semasa makan seperti sudu dan garfu.
- Murid bersoal jawab terhadap peralatan yang ditunjukkan, adakah ianya selamat digunakan.
- Guru menerangkan cara menggunakan sudu dan garfu dengan betul dan selamat.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Bahan maujud – sudu dan garfu.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan dapat menggunakan sudu dan garfu dengan betul dan selamat ketika makan.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

BERWASPADA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi kefahaman dan pengetahuan objek-objek berbahaya yang wujud di sekeliling mereka.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Guru bersoal jawab dengan murid tentang objek tajam dan berbahaya yang terdapat disekitar sekolah seperti kaca, paku, duri dan sebagainya.
- Menyatakan akibat jika terpijak atau terkena objek tersebut.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Gambar /
bahan maujud



IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengetahui bahaya objek-objek yang berbahaya di sekeliling mereka dan akan lebih berhati-hati.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

“USAH BEREPUT”

TUNJANG KSPK

Kerohanian, sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman adab berkongsi alat mainan ketika bermain bersama-sama.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan simulasi situasi sedang bermain barang permainan bersama rakan atau adik beradik yang lain.
- Guru bersoal jawab dengan murid tentang cara dan adab apabila bermain bersama-sama.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Bakul
- Barang Permainan

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta menghayati adab ketika bermain bersama rakan atau ahli keluarga.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

BAHAYA PERABOT

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman situasi yang mendatangkan bahaya kepada mereka.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Menunjukkan gambar-gambar situasi yang berbahaya kepada murid.
- Bersoal jawab tentang kejadian tersebut.
- Menasihatkan murid berdasarkan gambar seperti contoh, supaya tidak memasukkan kepala pada bahagian belakang atau tempat sandar kerusi.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Gambar



IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta mengelak daripada situasi yang mendatangkan bahaya kepada mereka.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

AKTIVITI

ADAB MAKAN

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman adab dan tertib ketika makan bagi membentuk sahsiah diri yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Menunjukkan gambar-gambar adab semasa makan.
- Bersoal jawab tentang adab dan tertib semasa makan.
- Murid meletakkan emoji senyum pada gambar yang betul bagi adab semasa makan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Gambar makan mengikut tertib
- Kad emoji senyum

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami adab dan tertib yang perlu diamalkan ketika makan bagi membentuk sahsiah diri yang baik.

KESELAMATAN DI RUMAH



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI RUMAH

AKTIVITI

TONTON SAYA (BANGUNAN TINGGI)

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman bahaya apabila berada di bangunan yang tinggi.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Video atau slaid tentang keselamatan diri di luar rumah ditayangkan kepada murid-murid.
- Video atau slaid berkenaan bahaya yang boleh terjadi melibatkan bangunan tinggi juga ditayangkan.
- Murid-murid menceritakan semula tentang kefahaman mereka melalui tontonan video atau slaid powerpoint yang ditayangkan.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Video atau Slaid berkenaan keselamatan di bangunan tinggi.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami bahaya serta langkah keselamatan apabila berada di bangunan yang tinggi.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI RUMAH

AKTIVITI

AWAS! OBJEK BAHAYA

TUNJANG KSPK

Sains dan teknologi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta dapat membezakan objek-objek bahaya yang wujud di sekeliling mereka.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan objek-objek yang bahaya seperti pinggan kaca, mangkuk kaca dan gelas kaca serta peralatan yang tidak bahaya seperti pinggan, mangkuk dan gelas plastik.
- Guru bersoal jawab bersama murid serta meminta murid membuat pengelasan objek-objek tersebut bagi kegunaan seharian di rumah.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Peralatan kaca dan plastik.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta dapat membezakan objek yang berbahaya di sekeliling mereka.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI RUMAH

AKTIVITI

KENALI SAYA (JARUM DAN GUNTING)

TUNJANG KSPK

Keterampilan diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman objek-objek bahaya yang wujud di sekeliling mereka.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru mempamerkan carta lirik lagu kepada murid.
- Guru menyanyi terlebih dahulu mengikut lirik lagu pada carta lagu.
- Murid ikut menyanyi bersama-sama guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Carta Lagu : Ikut melodi lagu 'Anaklah Ayam'
- Jarum & Gunting

KENALI SAYA

Anaklah ayam, anak ayam mematuk gandum mematuk gandum, mematuk gandum tepi perigi, janganlah adik, jangan adik bermain jarum, takut tercucuk, takut tercucuk sakitnya jari.

Anaklah ayam, anak ayam terbang ke genting, Terbang ke genting, terbang ke genting tempatnya tinggi. Janganlah adik, jangan adik bermain gunting, Takut cedera, takut cedera bahaya diri

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta cara pengendalian objek yang berbahaya di sekeliling mereka.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI RUMAH

AKTIVITI

BAHAYA TAK SAYA?

TUNJANG KSPK

Sains dan teknologi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman binatang bahaya yang wujud di sekeliling mereka.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Guru mengedarkan kepada murid bekas plastik yang berisi enam keratan gambar binatang yang merbahaya seperti lipan, tikus, anjing, lipas dan nyamuk kepada setiap seorang.
- Dalam masa satu minit, murid dikehendaki mencantumkan dengan betul kad bergambar tersebut.
- Murid diminta menyebut gambar binatang yang telah selesai dicantumkan.
- Guru memberi penerangan tentang bahaya bermain di kawasan semak tanpa pengetahuan ibu bapa.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

- Bekas plastik
- Keratan gambar binatang (lipas / nyamuk / tikus / lipan / anjing)



IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta mengenali binatang yang merbahaya di sekeliling mereka.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI RUMAH

AKTIVITI

JANGAN PERGI SANA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kawasan bahaya yang wujud di sekeliling mereka.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru mempamerkan carta lirik lagu kepada murid.
- Guru menyanyi terlebih dahulu mengikut lirik lagu pada carta lagu.
- Murid ikut menyanyi bersama-sama guru.
- Murid menyebut nama binatang yang merbahaya yang ada di dalam lagu iaitu ular dan tebuian.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Carta lagu : Ikut melodi lagu 'Mana Jari'

*Ssshh.. ular, ssshh ular,
Di mana, takutnya
Jangan pergi sana, Jangan
main sana
Bahaya... bahaya*

*Zzzz.. tebuian, zzzz.. tebuian
Di mana, takutnya
Jangan pergi saya, Jangan
main sana
Bahaya.. bahaya*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami serta mengelakkan diri daripada menghampiri tempat berbahaya yang wujud di sekeliling mereka.

KESELAMATAN DIRI



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

AWAS! BAHAYA DI MAN-MANA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman situasi bahaya yang wujud ketika di luar rumah.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Guru memberi penerangan tentang bahaya seorang diri apabila berada di luar rumah.
- Murid mestilah berada dengan ibu bapa atau orang dewasa apabila berada di luar rumah.
- Guru mempamerkan, membacakan dan menerangkan kepada murid 'Carta Perculikan Kanak-kanak'.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Carta perculikan kanak-kanak



IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami situasi bahaya dan langkah yang perlu diambil ketika di luar rumah.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

APA ITU BULI?

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada tingkah laku buli.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan tayangan video tingkah laku buli.
- Bersoal jawab dengan murid berdasarkan video berkenaan akibat buli.
- Guru menerangkan langkah yang perlu diambil jika murid dibuli seperti laporkan kepada guru, ibu bapa, atau kaum keluarga.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Video
- Carta tingkah laku buli

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami tingkah laku buli dan akibat daripada perbuatan buli.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

JANGAN TUMPANG KERETA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan situasi bahaya menumpang kereta.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru membaca cerita tentang Sarah kepada murid.
- Guru bertanya kepada murid, adakah tindakan Sarah betul atau salah.
- Guru menjelaskan tindakan itu Sarah adalah salah.
- Guru menasihati murid supaya tidak menumpang kenderaan orang tidak dikenali.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Cerita Sarah

Sarah seorang anak yang baik. Sarah berumur 6 tahun. Bapa Sarah seorang kerani. Setiap hari bapa Sarah akan menghantar dan mengambil Sarah ke sekolah.

Pada suatu hari, bapa Sarah terlewat mengambil Sarah di sekolah. Ketika sedang menunggu bapa, Sarah dihampiri sebuah kereta berwarna putih. Sarah tidak mengenali kereta ini.

Seorang wanita keluar dari kereta tersebut dan ingin menumpang Sarah. Sarah mengikut wanita itu naik ke kereta. Apabila bapa Sarah tiba, rakan-rakan memberitahu kepada bapa Sarah kejadian tersebut.

Bapa Sarah menghubungi polis untuk meminta bantuan. Tidak lama kemudian, polis berjaya menahan kereta tersebut. Sarah bernasib baik kerana tidak menjadi mangsa kepada penjahat itu.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami bahaya menumpang kereta orang yang tidak dikenali.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

KOTAK ILMU

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan bahaya bersendirian di tempat yang sunyi.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan kotak yang berisi kad gambar berkenaan situasi bahaya di tempat yang sunyi.
- Guru mengedarkan kotak tersebut kepada murid untuk diberi kepada rakan di sebelah dan diedarkan ke murid yang seterusnya sambil memainkan muzik. Apabila muzik berhenti, murid yang sedang memegang kotak diminta mengambil satu kad gambar di dalam kotak.
- Guru bertanya tentang kad gambar tersebut. Adakah tindakan itu betul atau salah dan guru memberi penerangan berdasarkan kad gambar yang telah diambil daripada kotak tersebut.
- Permainan diteruskan dengan 2 orang murid lain.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kotak
- Kad gambar

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami bahaya bersendirian dan perlu mengelak berada di tempat yang sunyi.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

JANGAN LAYARI INTERNET TANPA PENGAWASAN

TUNJANG KSPK

Keterampilan diri

OBJEKTIF

Memberi kefahaman dan pengetahuan serta pendedahan kepada bahaya melayari internet.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru memberi penerangan kepada murid bahaya melayari internet tanpa pengawasan ibu bap atau orang dewasa.
 - kandungan tidak bersesuaian dengan kanak-kanak.
 - mengalami masalah ketagihan gajet/internet.
- Guru menerangkan kesan sampingan melayari internet dalam tempoh masa yang lama seperti mata berasa pedih dan sakit kepala.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Video yang bersesuaian.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami bahaya dan kesan melayari internet tanpa pengawasan orang dewasa.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DIRI

AKTIVITI

SAYA MALULAH!

TUNJANG KSPK

Kerohanian, sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada kesesuaian dalam berpakaian.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar pelbagai jenis pakaian sama ada pakaian sopan dan tidak sopan.
- Bersoal jawab pakaian yang sesuai untuk di pakai yang boleh melindungi diri daripada menarik perhatian orang jahat.
- Murid meletakkan bintang pada pakaian yang sopan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Gambar cara berpakaian sopan dan tidak sopan.
- Kad berbentuk bintang.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami keperluan untuk berpakaian sopan bagi menjaga keselamatan mereka.

KESELAMATAN DI JALANRAYA



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI JALANRAYA

AKTIVITI

GUNAKAN SAYA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika gunakan saya

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman keperluan memakai tali pinggang keledar ketika menaiki kenderaan.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyanyi lagu 'Papaku Pulang Dari Kota' bersama murid.
- Guru menerangkan kepentingan memakai tali pinggang keledar ketika di dalam kenderaan.
- Guru menerangkan akibat dan bahaya jika tidak memakai tali pinggang keledar seperti boleh menyebabkan kemudaratan diri jika berlakunya kemalangan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Lagu Papaku pulang dari kota
**yang telah diubah lirik pada rangkap terakhir.

*Papaku pulang dari kota
Papaku beli kan kereta
Kereta kecil warna merah
Bolehku bawa ke sekolah*

*Pon pon pon pon pon pon pon pon
Kereta kecilku berbunyi
Janganlah adik jangan lupa
Pakai tali pinggang keledar*

- Video kemalangan jalan raya

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami keperluan memakai tali pinggang keledar ketika berada di dalam kenderaan.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI JALANRAYA

AKTIVITI

JOM PEGANG TANGAN

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman cara yang selamat untuk melintas jalanraya.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menerangkan kepada murid mengenai peraturan keselamatan sebelum melintas jalan.
- Guru menyanyi lagu "Pegang Tangan" bersama murid dan melakonkan aksi mengikut lirik lagu berdasarkan carta lirik lagu yang dipamerkan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Melodi: Lagu Goreng Pisang
Lirik 'Pegang Tangan':

*Pegang tangan, pegang tangan
Pegang tangan bersama.....
Tangan ibu, tangan bapa
Tangan kita semua*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami cara melintas jalanraya yang selamat bersama ibu/ bapa.

KESELAMATAN DI PERSEKITARAN LUAR



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI PERSEKITARAN LUAR

AKTIVITI

PERTOLONGAN CEMAS

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada langkah keselamatan bila tercedera.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan kad gambar luka berdarah.
- Guru bercerita tindakan awal yang murid boleh lakukan jika terluka kerana terjatuh atau luka terkena benda tajam.
- Guru perlu merangkan tindakan perlu diambil kepada luka seperti mengenakan tekanan langsung kepada luka untuk menghentikan aliran darah.
- Dapatkan bantuan guru, ibu bapa atau orang dewasa.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kad gambar.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan apabila mereka tercedera.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI PERSEKITARAN LUAR

AKTIVITI

JAUHI BAHAYA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika.

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kawasan yang bahaya bagi kanak-kanak.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan kad gambar kawasan merbahaya kepada murid.
- Guru menerangkan kepada murid tentang bahaya berada di tempat-tempat tersebut tanpa pengawasan orang dewasa.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kad gambar.

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat mengetahui dan memahami kawasan bahaya yang perlu dielakkan tanpa pengawasan orang dewasa.

SEGMENT KESELAMATAN KESELAMATAN DI PERSEKITARAN LUAR

AKTIVITI

999

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kegunaan talian kecemasan.

MEKANISMA
PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan nombor 999 pada sekeping kad bod saiz A3.
- Guru menerangkan fungsi nombor 999 ketika kecemasan.
- Membuat lakonan pendek cara menghubungi 999.
- Guru menerangkan bagaimana melaporkan kecemasan ketika menghubungi talian kecemasan 999.

BAHAN BANTU
MENGAJAR

Kad nombor 999

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat mengetahui dan memahami kegunaan serta situasi yang memerlukan mereka menghubungi talian kecemasan.

MAKANAN YANG BERKHASIAM



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

LIMA JARI (IBU JARI)

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan sumber makanan yang berasaskan karbohidrat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid mengangkat tangan dan memegang ibu jari.
- Guru memperkenalkan makanan dari kumpulan karbohidrat seperti roti, nasi, bijirin, kentang, mee melalui gambar dan keperluan sumber karbohidrat untuk tumbesaran.
- Murid menamakan makanan yang ditunjukkan oleh guru dan mengaitkan kumpulan makanan dari sumber karbohidrat dengan ibu jari.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar makanan daripada sumber karbohidrat seperti roti, nasi, bijirin, kentang dan mi.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami sumber-sumber makanan yang menyumbang kepada keperluan karbohidrat pada badan.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

LIMA JARI (JARI TELUNJUK)

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan sumber makanan yang berasaskan vitamin (sayur-sayuran).

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid mengangkat tangan dan memegang jari telunjuk.
- Guru memperkenalkan makanan dari kumpulan sayur-sayuran seperti sawi, kobis, lobak, bayam, peria, timun dan brokoli melalui gambar dan keperluan sumber vitamin daripada sayur-sayuran untuk kesihatan diri.
- Murid menamakan sayur-sayuran yang ditunjukkan oleh guru dan mengaitkan kumpulan makanan dari sumber vitamin dengan jari telunjuk.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar sayur-sayuran seperti sayur sawi, kobis, lobak, bayam, peria, timun dan brokoli.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami sumber-sumber makanan yang menyumbang kepada keperluan buah-buahan pada badan.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

LIMA JARI (JARI TENGAH)

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan sumber makanan yang berasaskan vitamin (Buah-buahan).

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid mengangkat tangan dan memegang jari tengah.
- Guru memperkenalkan makanan dari kumpulan buah-buahan seperti pisang, betik, epal, mangga, anggur dan nanas melalui gambar dan keperluan sumber vitamin daripada buah-buahan untuk kesihatan diri.
- Murid menamakan buah-buahan yang ditunjukkan oleh guru dan mengaitkan kumpulan makanan dari sumber vitamin dengan jari tengah.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar buah-buahan seperti pisang, betik, epal, mangga, anggur dan nanas.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami sumber-sumber makanan yang menyumbang kepada keperluan buah-buahan pada badan.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

LIMA JARI (JARI MANIS)

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan sumber makanan yang berasaskan protein.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid mengangkat tangan dan memegang jari manis.
- Guru memperkenalkan makanan dari sumber protein seperti ayam, ikan, daging dan telur melalui gambar serta keperluan sumber vitamin untuk kesihatan diri.
- Murid menamakan makanan yang ditunjukkan oleh guru dan mengaitkan kumpulan makanan dari sumber protein dengan jari manis.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar daripada sumber protein seperti ayam, ikan, daging dan telur.

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat menamakan jenis-jenis makanan sumber protein.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

JAUHI BAHAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan sumber makanan yang berasaskan kalsium.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid mengangkat tangan dan memegang jari kelingking.
- Guru memperkenalkan makanan dari sumber kalsium seperti susu, keju dan dadih melalui gambar dan keperluan kalsium untuk kesihatan diri.
- Murid menamakan makanan yang ditunjukkan oleh guru dan mengaitkan kumpulan makanan dari sumber kalsium dengan jari kelingking.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar daripada sumber kalsium seperti susu, keju dan dadih.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami sumber-sumber makanan yang menyumbang kepada keperluan kalsium pada badan.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

DI MANA SAYA?

TUNJANG KSPK

Sains Dan Teknologi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menampal pelbagai gambar makanan berkhasiat dan tidak berkhasiat di dinding kelas.
- Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
 - Makanan berkhasiat.
 - Makanan tidak berkhasiat.
- Murid mencari gambar berdasarkan kumpulan masing-masing dan meletakkan gambar tersebut di dalam bakul atau kotak yang disediakan oleh guru.
- Guru dan murid bersama-sama mengira gambar yang betul yang terdapat pada bakul atau kotak yang telah dilabelkan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kotak atau bakul yang dilabel dengan makanan berkhasiat dan makanan tidak berkhasiat.
- Gambar makanan tidak berkhasiat seperti gula-gula, air tin, coklat dan kek.
- Gambar makanan berkhasiat seperti buah, sayur, roti, mee,

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat mengetahui dan memahami dan dapat membezakan di antara makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

CARA MAKAN BUAH BERBIJI

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman cara makan yang selamat bagi buah yang berbiji.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan buah yang berbiji seperti buah limau kepada murid.
- Guru menunjukkan cara mengupas dan makan buah yang berbiji dengan betul.
- Murid mengupas dan makan buah limau seperti yang ditunjukkan oleh guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Buah limau.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami cara yang selamat untuk makan buah yang berbiji.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

KESELAMATAN MAKANAN DALAM TIN

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman dan pendedahan ciri keselamatan bagi makanan di dalam tin.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar tin yang telah kemek dan rosak.
- Guru memberi penerangan agar jangan memilih dan makan makanan daripada tin yang kemek kerana:-
 - tin sudah rosak.
 - ada tindak balas kimia menyebabkan makanan dalam tin rosak dan tercemar.
 - boleh menyebabkan keracunan makanan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar tin makanan yang kemek dan elok.

IMPAK AKTIVITI

Murid mengetahui dan memahami serta dapat mengecam makanan dalam tin yang di dalam keadaan baik.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

“ADIK OH ADIK!”

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kesan pengambilan makanan yang tidak berkhasiat kepada badan.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru bercerita tentang makanan berkhasiat dapat menggalakkan perkembangan mental dan fizikal.
- Murid menyanyi lagu bersama-sama guru berpandukan carta lirik menggunakan melodi lagu Bangau oh Bangau:

*Adik oh Adik kenapa awak
kurus?
Macam mana saya tak kurus
Saya tak suka sayur
(ulang dua kali)
Adik oh Adik kenapa gigi
goyang?
Macam mana gigi tak goyang
Saya tak suka susu
(ulang dua kali)*

*Adik oh Adik kenapa awak
kurus?
Macam mana saya tak kurus
Saya tak suka sayur
(ulang dua kali)
Adik oh Adik kenapa gigi
goyang?
Macam mana gigi tak goyang
Saya tak suka susu
(ulang dua kali)*

- Aktiviti ini boleh ditukar dengan mengubah lirik lagu menjadikan Adik budak sihat. Contoh:
*Adik oh Adik kenapa gigi Ani cantik?
Macam mana gigi tak cantik
Saya minum susu (ulang dua kali)*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Carta lagu
- Kad imbasan

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kesan buruk kepada badan mereka akibat daripada pengambilan makanan yang tidak berkhasiat.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

“SIAPA SAYA”

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman ciri-ciri makanan berkhasiat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru membacakan teka-teki daripada carta teka-teki dan meminta murid cuba menjawab.
Teka-teki:
 - Badanku putih bukan kapas, sangat lembut dan tidak keras, aku diletak di dalam mangkuk, kawanku pula lobak merah, ayam, sawi dan bilis. Enak rasanya bila dimakan? Cuba teka siapakah aku!
Jawapan: Bubur Nasi
 - Bentuk badanku segiempat, bila dipotong badanku menjadi segitiga. Dalam perutku ada salad, tomato, timun dan tuna. Boleh dimakan bila-bila masa! Cuba teka, siapakah diriku!
Jawapan: Sandwich
 - Badanku licin, berbentuk bulat, warnanya pula adalah jingga, aku dipotong lalu dimasukkan ke dalam mesin pengisar bersama ais dan juga gula. Aku dituang ke dalam gelas. Aku tersedia untuk diminum?!
Jawapan: Buah Oren

BAHAN BANTU MENGAJAR

Carta teka teki

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami ciri makanan berkhasiat.

SEGMENT KESELAMATAN MAKANAN YANG BERKHASIAM

AKTIVITI

BUKU MAKANAN SIHAT SAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta dapat membezakan makan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru di kehendaki untuk menyediakan buku skrap lebih awal sebelum sesi PdP.
- Setiap murid diberikan satu keping gambar makanan.
- Murid akan melekatkan gambar tersebut di dalam buku skrap yang telah disediakan oleh guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Gam.
- Gambar makanan berkhasiat dan tidak berkhasiat.
- Kertas putih untuk menghasilkan buku skrap.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan dapat membezakan di antara makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat.

PENYEDIAAN MAKANAN



**SEGMENT
KESELAMATAN**

SEGMENT KESELAMATAN PENYEDIAAN MAKANAN

AKTIVITI

GUNAKAN SAYA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan cara yang betul menggunakan peralatan di dapur.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menerangkan cara penggunaan yang betul bagi peralatan dapur seperti penyepit makanan dan senduk nasi.
 - Kuih – guna penyepit
 - Nasi – guna senduk
 - Menutup makanan dengan menggunakan tudung saji atau penutup agar makanan tidak terdedah.
- Murid boleh melakukan simulasi menggunakan bahan mawjud seperti yang disediakan oleh guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kuih, nasi goreng, penyepit makanan, senduk, tudung saji dan bekas makanan bertutup.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami cara yang betul dan selamat dalam menggunakan dan mengendalikan alatan di dapur.

SEGMENT KESELAMATAN PENYEDIAAN MAKANAN

AKTIVITI

BAHAYANYA LALAT

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada bahaya makanan yang tercemar oleh lalat.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar lalat yang sedang menghinggapi makanan yang tidak ditutup.
- Guru bersoal jawab dengan murid mengenai kesan jika kita makan makanan yang dihurungi lalat.
- Guru menerangkan bahawa lalat boleh membawa banyak penyakit seperti cirit-birit, muntah, sakit perut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar makanan yang dihinggapi lalat.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan dapat mengetahui dan memahami bahaya makanan yang tercemar dan terdedah kepada lalat.

SEGMENT KESELAMATAN PENYEDIAAN MAKANAN

AKTIVITI

KESELAMATAN MAKANAN DALAM TIN

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman dan pendedahan kepada keperluan mengambil hidangan makanan yang seimbang.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video berkenaan konsep makan suku-suku separuh.
- Murid menyanyi bersama-sama berpandukan carta lirik seperti yang telah disediakan oleh guru.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Pinggan suku-suku separuh
- Pembesar suara

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami keperluan mengamalkan hidangan makanan yang seimbang bagi tujuan kesihatan badan.

SEGMENT 3

KEBERSIHAN



SEGMENT KEBERSIHAN

**MEMPERKUKUH KEFAHAMAN PENDIDIKAN
KEBERSIHAN**

KEBERSIHAN DIRI

**KEBERSIHAN
PERSEKITARAN**

**KEBERSIHAN
MENTAL**



**SEGMENT
KEBERSIHAN**

**KEBERSIHAN
DIRI**

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

ETIKA BATUK DAN BERSIN

TUNJANG KSPK

Sains dan teknologi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman etika ketika batuk dan bersin untuk mencegah penyakit.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan penyembur air dan meletakkan air dengan pewarna ke dalam botol penyembur.
- Guru menyembur air dengan penerangan kepada murid apabila kita batuk atau bersin tanpa menutup mulut dan hidung, kuman akan tersebar kepada rakan-rakan yang berdekatan seperti air yang disembur.
- Murid diberi peluang menjalankan eksperimen ini dengan rakan yang berdekatan.
- Pada akhir pengajaran, murid boleh berkongsi perasaan dan akibat jika tidak mengamalkan etika bersin dan batuk yang betul melalui eksperimen tersebut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Penyembur air
- Pewarna makanan

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami etika ketika batuk dan bersin yang perlu diamalkan sepanjang masa bagi mencegah risiko jangkitan penyakit.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

JOM BERSIHKAN DIRI

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan kebersihan diri.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru memaparkan carta lirik lagu beserta gambar panduan menjaga kebersihan anggota tubuh badan.
- Guru menyanyi mengikut rentak melodi “Jong, Jong Inai” dan murid mengikut lagu yang telah diperdengarkan oleh guru.
- Menyanyi bersama- sama mengikut lirik di bawah:

Jom, jom semua kita bersihkan diri... (ulang 2 kali)

Jom, jom kita gosok gigi dan mandi...

Pakai baju bersih..

Sikat rambut biar rapi.

Jom, jom semua kita bersihkan diri... (ulang 2 kali)

Potong kuku tangan, potong kuku kaki

Semoga bersih, nampak berseri-seri.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Carta lirik lagu
- Gambar-gambar:
 - sedang memberus gigi
 - mandi
 - memakai baju

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan mengamalkan kebersihan diri yang perlu diamalkan setiap hari.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

NASIHAT SAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada keperluan amalan penjagaan kebersihan diri.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru memaparkan carta puisi pantun dua kerat kepada murid dan melafazkannya menggunakan boneka tangan sambil membuat pergerakan.
- Murid mengikut guru melafazkan pantun yang telah diperdengarkan beserta pergerakan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Puppet
- Carta puisi:
Mari kawan-kawan, dengar nasihat saya

*Pergi ke pasar beli bahu,
Cuci rambut bersih selalu.*

*Beli sotong masak kari,
Kuku di potong kuman lari.*

*Ikan haruan di dalam tangki,
Sabun badan buang daki.*

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami langkah-langkah penjagaan kebersihan diri yang perlu diamalkan setiap hari.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

5 PERKARA PERLU INGAT

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada akibat mengabaikan penjagaan kebersihan diri.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan beberapa set carta tapak tangan bersaiz A3 dan berlamina mengikut jumlah murid.
- Kad jawapan berlamina disediakan bagi soalan yang telah dirangka oleh guru.
- Tampil pelekat *velcro* di setiap jari di carta tangan untuk murid menampal kad jawapan.
- Guru membahagikan 5 orang murid bagi setiap kumpulan.
- Murid bekerjasama di dalam kumpulan untuk menampal kad jawapan yang betul berdasarkan soalan guru.
- Contoh soalan guru:
 - Menunjukkan gambar hendak keluar dari rumah, kita perlu memakai apa?
 - Menunjukkan gambar selepas menggunakan tandas, kita perlu buat apa?
 - Menunjukkan gambar orang ingin bersalam, kita perlu buat apa?
 - Menunjukkan gambar orang sedang berkumpul, kita perlu buat apa?

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Pelekat velcro
- Carta tapak tangan



IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami langkah-langkah penjagaan kebersihan diri yang perlu diamalkan untuk pencegahan jangkitan penyakit yang merbahaya.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

AYUH JAGA DAN KENALI GIGI

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan gigi yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan kad gambar gigi.
- Guru menerangkan jumlah dan jenis gigi yang ada pada kanak-kanak.
- Guru menerangkan cara penjagaan gigi yang betul.
- Guru menyanyikan lagu "Ayuh Jaga Gigi" dengan menggunakan melodi 'Satu, Satu Saya Sayang Ibu'.
- Murid menyanyi lagu dengan pergerakan seperti lirik di bawah:

Ayuh, ayuh, kita jaga gigi...

Gigi kacip, taring dan geraham...

Ayuh, ayuh, kita gosok gigi..

Gigi susu adik putih dan cantik...

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kad gambar
- Carta lagu

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami amalan penjagaan gigi yang baik pada setiap hari.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

CANTIKNYA SAYA

TUNJANG KSPK

Keterampilan diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan rambut yang betul.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru membawa boneka yang berambut panjang.
- Guru menunjukkan cara mencuci rambut menggunakan sabun.
- Guru menunjukkan cara menyikat rambut patung yang telah dicuci dan di keringkan.
- Guru turut menerangkan tentang kepentingan menjaga kebersihan rambut untuk mengelakkan jangkitan kutu.
- Murid mengikut pergerakan guru cara-cara menyikat rambut dengan kemas.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Boneka, sikat, syampu dan tuala kecil.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kepentingan amalan penjagaan rambut agar bersih dan sihat.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

JOM BERATUR 1 METER

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman dan pendedahan kepada penjarakan sosial dan berdisiplin.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid beratur dengan jarak satu meter.
- Murid beratur dengan mengikut tanda yang telah disediakan.
- Guru membimbing pergerakan murid agar bergerak dengan betul pada jarak satu meter.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Masking tape

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami keperluan kepada penjarakan sosial dan disiplin yang diamalkan dalam aktiviti seharian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

JOM TEPUK

TUNJANG KSPK

Keterampilan diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman dan pendedahan kepada amalan penjagaan sendiri ketika berada di tempat awam.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Carta penerangan pergerakan tepuk tangan ditunjukkan kepada murid.
- Guru menerangkan setiap pergerakan tepuk memberi makna yang berlainan.
- Murid mengikut pergerakan tepuk tangan sambil melaksanakan arahan daripada setiap tepukan. Arahan tepukan seperti di bawah:

*Tepuk sekali,
Pakai topeng muka.
Tepuk 2 kali,
Jaga Jarak.
Tepuk 3 kali,
Bersihkan Tangan.
Tepuk Tepuk Tepuk Tepuk Tepuk.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Carta arahan tepuk tangan
- Pergerakan tepuk tangan

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami amalan penjagaan sendiri apabila berada di tempat ramai orang.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

BERSIHNYA BAJU SAYA

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman keperluan memakai pakaian yang bersih dan kemas.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan pakaian yang bersih dan pakaian yang kotor.
- Guru menerangkan mengenai kepentingan penjagaan dan kebersihan diri.
- Guru menunjukkan kedua-dua baju bersih dan kotor.
- Murid dibimbing untuk memilih baju yang sesuai untuk kebersihan diri.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Pakaian yang bersih
- Pakaian yang kotor

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami keperluan memakai pakaian yang bersih dan kemas pada setiap masa.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

MATA SAYA CERAH

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan mata yang betul.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan slaid penjagaan untuk kesihatan mata.
- Guru menceritakan mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mata.
- Guru menunjukkan gambar atau bahan maujud makanan yang dapat mengekalkan kesihatan mata, selain daripada sayur lobak.
- Guru juga perlu menerangkan aktiviti yang dapat merosakkan mata seperti contoh, menonton televisyen dengan jarak yang terlalu dekat.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Slaid *powerpoint*
- Komputer
- Gambar kanak-kanak yang rabun

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kepentingan penjagaan mata yang betul untuk memelihara kesihatan mata

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

JAHATNYA KUMAN

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan kaki yang betul.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan slaid berkenaan penjagaan kesihatan kaki.
- Guru menceritakan kepentingan penjagaan kesihatan kaki.
- Guru menceritakan akibat tidak menjaga kebersihan kaki yang betul seperti kecederaan dan dijangkiti kuman.
- Guru menasihati murid supaya sentiasa memakai kasut bagi melindungi kaki.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Slaid *powerpoint*
- Komputer
- Gambar

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami amalan penjagaan mata yang betul untuk memelihara keselamatan diri.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN DIRI

AKTIVITI

JOM PERIKSA RAMBUT

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman serta pendedahan kepada amalan penjagaan rambut yang betul.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Murid berbaris mengikut ketinggian.
- Guru memanggil tiga orang murid dan menunjukkan demonstrasi memeriksa rambut rakan mereka agar bebas dari kutu.
- Murid yang dibelakang akan memeriksa rambut murid yang di hadapan.
- Setelah selesai, murid akan diminta memusingkan badan ke belakang dan mengulangi aktiviti tadi.
- Guru mengajar murid menyanyi lagu sambil melakukan aktiviti tersebut dengan menggunakan melodi 'Air Pasang Pagi' dengan menggunakan lirik seperti di bawah:

*Mari kawan-kawan,
Kita periksa rambut
Amalkan kebersihan setiap hari
Rambut bersih bebas dari kutu.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

Model sebenar (guru dan murid di dalam kelas)

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami amalan penjagaan rambut yang betul dan bebas daripada kutu.



**SEGMENT
KEBERSIHAN**

**KEBERSIHAN
PERSEKITARAN**

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

PINGGAN CANTIK BERKILAT!

TUNJANG KSPK

Ketrampilan diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran penjagaan kebersihan sebagai amalan yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyanyikan lagu berdasarkan carta lirik lagu.
- Melaksanakan simulasi membasuh pinggan selepas makan menggunakan pencuci pinggan dan membilas hingga bersih sambil menyanyi menggunakan melodi 'Are You Sleeping' seperti lirik di bawah:

*Cuci pinggan, cuci pinggan, sekarang...sekarang..
Pinggan kotor perlu cuci,
Cawan kotor perlu cuci,
Selepas minum, selepas makan.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Span pinggan
- Pinggan Plastik
- Cawan Plastik

IMPAK AKTIVITI

Murid akan dapat memahami dan mengamalkan konsep kebersihan dalam aktiviti seharian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

RUMAH BERSIH MINDA SIHAT

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan sikap tanggungjawab kepada murid kepentingan penjagaan kebersihan kawasan sekeliling mereka.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Murid memilih peranan sebagai anak, ibu dan ayah yang berada di halaman rumah bersama dengan penyapu di tangan.
- Watak ayah dan ibu membuat demonstrasi menyapu sampah sambil menyanyi.
- Kemudian watak anak datang dan bersama-sama menolong ibu dan bapanya menyapu di halaman rumah menyanyi menggunakan melodi lagu 'Bangun Pagi' seperti lirik di bawah:

*Tiap pagi sapu sampah,
Rumah bersih tak bersepah,
Tolong ibu, tolong ayah,
Jaga kebersihan rumah*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Penyapu plastik
- *Minus One* lagu Bangun Pagi

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan boleh mengaplikasikan penjagaan kebersihan persekitaran di kelas dan di rumah.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

JOM URUS TUALA KITA

TUNJANG KSPK

Ketrampilan Diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid kepentingan penjagaan barangan peribadi mereka.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru bersoal jawab dengan murid cara mereka menguruskan tuala dan pakaian yang telah digunakan.
- Guru menerangkan kepentingan menguruskan tuala dan pakaian yang telah digunakan.
- Guru menunjukkan contoh bergambar bagaimana seharusnya menyidai dan menguruskan pakaian kotor mereka.
- Murid diminta untuk melakukan demonstrasi menjemur tuala yang telah digunakan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Tuala Mandi
- Penyangkut Baju
- Rak Tuala

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan mengaplikasikan penjagaan kebersihan terhadap barangan peribadi mereka sendiri dalam aktiviti harian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

KASUT SAYA HILANG!

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran penjagaan dan disiplin dalam susun atur barang peribadi murid

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru bercerita tentang pentingnya menyusun kasut dengan baik.
- Guru meminta murid sentiasa menyusun kasut sebelum masuk ke dalam kelas atau rumah.
- Murid mendengar *minus one* lagu Mengantuknya Mumia. Kemudian guru menyanyikan lagu seperti lirik di bawah:

*Di mana, di mana, Mana kasut saya,
Di mana, di mana, Tolong lah cari...
Kemas kasut, kemas kasut, Baru lah jumpa,
Kemas kasut, kemas kasut, Itu kasut saya,
Oooo Saya dah jumpa,. Oooo terima kasih semua..*

BAHAN BANTU MENGAJAR

Minus One lagu 'Mengantuknya Mumia'

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami keperluan dan mengaplikasikan penjagaan dan susun atur barang peribadi mereka dalam aktiviti harian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

MARI KEMAS KATIL

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran penjagaan dan disiplin dalam susun atur bilik tidur murid.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru membawa murid di sudut rehat dan rawat.
- Guru memperkenalkan kelengkapan di katil seperti selimut, cadar, bantal, dan tilam.
- Guru menunjukkan cara mengemas katil sambil berpantun.
- Guru memberi peluang kepada beberapa murid mengemas semula seperti yang ditunjuk oleh guru.

Pantun:

*Letak bantal di kepala katil,
Selimut di lipat dengan kemas,
Jom kita kemas katil,
Supaya cantik dan kemas.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Katil
- Selimut
- Bantal

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami keperluan dan mengaplikasikan penjagaan dan susun atur bilik mereka sendiri dalam aktiviti harian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

JOM BERSIHKAN PAPAN TULIS

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan sekeliling.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menyediakan kotak misteri dengan mengisi ia dengan kad gambar peralatan pembersihan papan tulis.
- Murid akan mengambil kad gambar daripada kotak misteri dan menunjukkan kepada rakan-rakan yang lain.
- Murid yang lain diminta menyebut nama objek daripada kad gambar yang ditunjukkan.
- Guru dan murid bersoal jawab tentang kegunaan dan kepentingan menjaga kebersihan papan tulis.
- Guru dan murid membuat demonstrasi membersihkan papan tulis sambil menyanyi menggunakan melodi lagu 'Are You Sleeping' seperti lirik di bawah:

Jom bersihkan (ulang 2 kali)

Papan tulis (ulang 2 kali)

Lepas kita tulis, Lepas kita guna

Kita bersihkan papan tulis.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Kotak misteri
- Kad gambar
- Bahan maujud : papan tulis, penggosok papan tulis, tisu atau kain.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan dapat memahami dan menjaga kebersihan kawasan sekeliling mereka dengan bergotong-royong.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

JOM JAGA KEBERSIHAN TEMPAT AWAM

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi kesedaran kepada murid kepentingan menjaga kebersihan di tempat awam.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru membacakan pantun sambil menunjukkan gambar kawasan awam.
- Murid bersama guru berpantun berdasarkan carta yang dipamerkan seperti di bawah:

*Berjalan jalan membawa raga,
Tempat awam tempat bersama,
Kebersihan perlu dijaga,
Agar hidup aman sejahtera.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Carta pantun.
- Gambar Tempat Awam : Taman permainan, Tandas Awam atau Klinik.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami kepentingan dalam menjaga kebersihan tempat-tempat awam di sekeliling mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

PELIHARA ALAM SEKITAR

TUNJANG KSPK

Perkembangan fizikal dan estetika

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru mengarah murid untuk berdiri dan menarik nafas sebanyak tiga kali.
- Guru menunjukkan gambar Alam Sekitar yang bersih seperti:
 - Sungai yang bersih.
 - Taman yang bersih.
 - Hutan yang indah.
 - Pantai yang bersih.
- Guru menerangkan kebersihan alam sekitar tanggungjawab bersama agar dapat dinikmati tanpa pencemaran.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar alam Sekitar yang bersih dan indah.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan dapat mengamalkan penjagaan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di sekeliling mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

PUZZLE MENJAGA ALAM SEKITAR

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar menjaga kebersihan alam sekitar.
- Murid secara berkumpulan menyiapkan tugas mencantumkan *puzzle* gambar menjaga alam sekitar.
- Murid menunjukkan hasil kerja berkumpulan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Puzzle gambar alam sekitar yang bersih.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami penjagaan pemeliharaan alam sekitar di sekeliling mereka adalah tanggungjawab setiap manusia.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

PLASTIK DAN TONG SAMPAH

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan plastik yang boleh dibawa sentiasa ke mana-mana.
- Guru bercerita dan menerangkan kegunaan plastik tersebut bagi menyimpan dan memungut sampah apabila tiada tong sampah yang berdekatan dijumpai.
- Guru turut menerangkan, plastik itu disimpan dahulu dan boleh dibuang apabila terjumpa tong sampah.

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Plastik untuk sampah
- Tong sampah
- Sampah

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami pemeliharaan kawasan sekitar mereka adalah tanggungjawab setiap individu.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AKTIVITI

SAMPAH OH SAMPAH!

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid kepentingan penjagaan kebersihan alam sekitar.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menggunakan patung boneka tangan menyanyikan lagu 'Sampah oh Sampah' dengan pergerakan.
- Guru dan murid menyanyi bersama-sama menggunakan melodi 'Tanya Sama Pokok' seperti lirik di bawah:

*Tanya Sama Sampah, Kenapa banyak sangat,
Nanti jawab sampah, Orang yang buang.
Lihat pada sampah, Bau sangat busuk,
Alam dah tercemar, Hilanglah indah.
Pesan dari guru, Mesti ingat selalu,
Kurangkanlah sampah, Duniakan bersih.
Marilah bersama, Jaga kebersihan,
Fikirlah dahulu, Sebelum buang.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

- Patung boneka tangan
- Carta lagu

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami penjagaan kebersihan alam sekitar di sekeliling mereka adalah tanggungjawab setiap individu.



**SEGMENT
KEBERSIHAN**

**KEBERSIHAN
MENTAL**

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

SELAMAT PAGI KAWAN

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman tentang sifat mengambil berat kepada orang sekeliling.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru memanggil dua orang murid ke hadapan.
- Guru meminta dua orang murid tadi untuk bersalaman dan membimbing murid saling berinteraksi dan bersoal jawab antara satu dengan lain.
- Murid yang lain juga diminta mencari seorang rakan dan melakukan aktiviti tersebut.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Dialog pertanyaan khabar untuk sesi lakonkan peranan.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengaplikasikan sifat mengambil berat kepada rakan-rakan dengan bertanya khabar mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

TERIMA KASIH CIKGU

TUNJANG KSPK

Kerohanian, sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid dalam memberi dan menyampaikan ucapan penghargaan kepada orang lain.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru akan memberikan sebatang pensel yang baru kepada setiap murid.
- Murid akan di bimbing dengan mengucapkan ucapan 'terima kasih cikgu' selepas mereka menerima hadiah dari cikgu

BAHAN BANTU MENGAJAR

Dialog untuk sesi lakonkan peranan.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan menghargai dengan mengaplikasikan ucapan penghargaan pada situasi yang bersesuaian.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

SALING MENGHORMATI

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid adab hormat menghormati orang sekeliling mereka.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menayangkan video tentang cara-cara menghormati orang lain.
- Murid akan melakonkan semula tentang cara-cara menghormati orang bersama rakan-rakan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Tayangan video

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan mengaplikasikan adab hormat menghormati dalam semua situasi.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

JOM MAIN KAD

TUNJANG KSPK

Keterampilan diri

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid dalam mengenali dan mengurus emosi sendiri dan emosi orang lain.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru mengedarkan kad emosi kepada murid-murid.
- Murid akan menceritakan kepada rakan tentang emosi yang ada pada kad yang mereka terima.
- Guru menjelaskan bahawa emosi gembira baik untuk kesihatan dan emosi yang sedih dan marah tidak baik untuk kesihatan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kad emosi bergambar : Gembira, sedih dan marah

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan boleh menyatakan emosi dalam pelbagai situasi.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

JANJI SAYA

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada amalan tanggungjawab terhadap amanah yang di beri.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru meminta murid untuk mengangkat tangan kanan dan membaca "Janji Saya" berpandukan carta yang ditunjukkan kepada kelas.
- Guru juga menerangkan maksud carta tersebut.
- Setiap "Janji Saya" yang telah dibaca dan di nyanyikan oleh murid mengikut melodi 'Saya Anak Malaysia' seperti lirik di bawah:

*Sa...ya...akan berjanji
Menyayangi kawan saya
Sa...ya ..akan berjanji
Menghormati guru saya
Sa..ya..juga berjanji
Patuh dan hormat pada Ibubapa*

BAHAN BANTU MENGAJAR

Carta 'Janji Saya

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan boleh mengaplikasikan sikap tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan kepada mereka

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

KENALI JIRAN

TUNJANG KSPK

Kemanusiaan

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman sikap dan tanggungjawab terhadap jiran tetangga.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menerangkan bahawa orang yang tinggal berdekatan dengan rumah adalah jiran. Guru juga menerangkan konsep menyayangi dan menghormati jiran kerana mereka adalah orang yang paling dekat untuk meminta bantuan apabila berlakunya sebarang masalah atau kecemasan.
- Murid akan diberi peluang untuk bercerita tentang jiran mereka.
- Murid dan guru akan menyanyikan lagu mengikut melodi 'Tepuk Amai-amai' seperti lirik di bawah:

*Saya ada Jiran
Jiran saya baik
Nama dia Abu dan juga Mei Li.*

*Bila waktu petang
Kami selalu bermain
Bersama rakan lain
Di halaman rumah.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

Kad gambar jiran

IMPAK AKTIVITI

Murid akan memahami dan dapat mengenali jiran terdekat di kawasan kejiranan.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

JOM JADI RAJIN!

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran pentingnya sifat rajin dalam membentuk sahsiah diri yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru berpesan kepada murid supaya rajin hadir ke sekolah agar dapat menimba ilmu.
- Guru turut menerangkan agar murid perlu bersikap rajin dalam menyiapkan kerja sekolah tanpa bertanggung dan beralasan.
- Guru meminta murid melafazkan pantun nasihat bersama guru.

*Dari muara mudik ke hulu,
Singgah sebentar di Pekan
Baru,
Rajinlah belajar tuntutan ilmu,
Anda akan disayangi guru.*

*Pakai baju warna biru,
Balik sekolah pukul satu,
Murid sentiasa hormatkan guru,
Kerana guru pembekal ilmu.*

*Pagi-pagi ke sekolah,
Pergi pula dengan abah,
Tuntutlah ilmu jangan beralah,
Amalan baik disukai Allah.*

BAHAN BANTU MENGAJAR

Pantun nasihat

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat memahami dan mengamalkan sifat rajin dalam semua situasi dan aktiviti harian mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

SAYA SAYANG RAKAN SAYA

TUNJANG KSPK

Komunikasi

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran pentingnya sifat sayang menyayangi dalam membentuk sahsiah diri yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru dan murid menyebut nama-nama rakan-rakan di dalam kelas.
- Murid menyatakan rasa sayang pada rakan dengan menyanyikan lagu mengikut melodi 'Sayang Semua' seperti lirik di bawah:

*Satu satu saya sayang Adam, Dua dua saya sayang Iman
Tiga tiga saya sayang Helmi, Satu dua tiga sayang
semuanya*

Nota:ulang lagu sambil sebut nama rakan lain di kelas

BAHAN BANTU MENGAJAR

Carta lirik lagu

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat memahami dan mengamalkan sifat sayang menyayangi dalam semua situasi dan aktiviti harian mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

SUASANA POSITIF

TUNJANG KSPK

Kerohanian, Sikap Dan Nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kesedaran pentingnya sifat bersopan santun dalam membentuk sahsiah diri yang baik.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan sikap bersopan santun di dalam kelas melalui lakonan.
- Murid main peranan dalam menunjukkan sopan santun di dalam kelas bersama guru dan rakan. Contoh:

Guru: Seroja, boleh bantu cikgu susun buku-buku ini?

Murid: Boleh cikgu.

- Murid menyatakan kebaikan dalam bersopan santun terhadap guru dan rakan semasa berada di dalam kelas.
- Contoh: membantu guru sambil bertutur dengan baik dan sopan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Bahan maujud yang ada di dalam kelas.

IMPAK AKTIVITI

Murid dapat memahami dan mengamalkan sifat bersopan santun dalam semua situasi dan aktiviti harian mereka.

SEGMENT KEBERSIHAN KEBERSIHAN MENTAL

AKTIVITI

MENJAGA HUBUNGAN SESAMA MANUSIA DAN TUHAN

TUNJANG KSPK

Kerohanian sikap dan nilai

OBJEKTIF

Memberi pengetahuan dan kefahaman konsep ciptaan Tuhan dengan pemerhatian.

MEKANISMA PELAKSANAAN

- Guru menunjukkan gambar-gambar ciptaan tuhan dan membimbing murid menyebut benda ciptaan Tuhan.
- Guru membimbing murid melahirkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan.
- Murid menyatakan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan dengan memuji kebesaran Tuhan.

BAHAN BANTU MENGAJAR

Gambar ciptaan Tuhan.

IMPAK AKTIVITI

Murid akan mengetahui dan memahami kuasa dan ciptaan Tuhan dengan memerhatikan alam sekeliling mereka.